

# Pelajar mesti hargai bantuan

BH - 8 AUG 1994

Oleh Nurul Adlina Kamaludin

KUALA LUMPUR, Ahad — Pelajar yang menerima biasiswa harus membuktikan penghargaan mereka terhadap bantuan itu dengan berusaha bersungguh-sungguh sehingga mencapai kejayaan membanggakan, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Perdana Menteri berkata, bantuan yang diterima oleh pelajar terbabit ialah hasil pengorbanan orang ramai. Oleh itu, adalah sia-sia jika mereka bersikap malas dan mengabaikan tanggungjawab sebagai pelajar.

"Apa yang penting bukan bantuan tetapi sikap pelajar itu sendiri iaitu mesti ada minat belajar.

"Jika terlalu asyik dengan hal lain yang tidak berkaitan, biasiswa yang diterima tidak akan menghasilkan kejayaan

seperti diinginkan," katanya berucap melancarkan Yayasan Pelajaran Peladang (YPP) di jamuan sempena Hari Peladang, Penternak dan Nelayan Kebangsaan 1994 di sini, malam tadi.

Kira-kira 300 peladang, penternak dan nelayan hadir di majlis itu. Perdana Menteri turut menerima RM236,000 daripada pelbagai pihak bagi yaysan itu, iaitu RM126,000 daripada Pertubuhan-pertubuhan Peladang Negeri dan RM100,000 daripada Menteri Pertanian Datuk Seri Sanusi Junid bagi pihak Lembaga Pertubuhan Peladang, Bank Pertanian pula menderma RM10,000.

Sebelas anak peladang dari seluruh negara, kecuali Sabah dan Sarawak, menjadi penerima pertama dermasiswa YPP ber-

nilai RM500 seorang daripada Dr Mahathir. Mereka mencatat kejayaan cemerlang dalam peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM), tahun lalu.

Dr Mahathir berkata, organisasi yang menawarkan biasiswa perlu memastikan hanya pelajar yang benar-benar mempunyai minat dan kesungguhan belajar, ditawarkan bantuan itu.

"Pelajar yang dipilih mesti benar-benar ingin belajar kerana jika tidak, ia tidak akan mendatangkan faedah," tegas Perdana Menteri.

Menurutnya, banyak organisasi di negara ini memberi bantuan kepada pelajar untuk meneruskan pendidikan mereka tetapi yang penting ialah organisasi itu mesti mendapat pulangan berfaedah

daripada pemberian bantuan itu.

Sementara itu, Pengerusi Pertubuhan Peladang Kebangsaan (Nafas), Datuk Abdul Rashid Abdul Rahman, berkata YPP bertujuan membiayai anak-anak serta ahli peladang meningkatkan tahap pendidikan dan kemahiran mereka.

YPP antara lain bertujuan menggalakkan pencapaian kecemerlangan ilmu di kalangan anak peladang dengan "memberikan hadiah; memberikan kemudahan persekolahan dengan membina asrama untuk mereka di bandar; mendirikan sekolah dan maktab swasta; serta menggalakkan pengajian dan penyelidikan ilmu dalam bidang-bidang yang boleh memberi faedah kepada masyarakat peladang.